



TUHAN MENDUGA KITA - AUTISM (TMK) ADALAH PAGE RASMI DI FACEBOOK (FB) YANG DIWUJUDKAN UNTUK MEMPROMOSI SINGLE TERBARU CIPTAAN FAIZUL KHALID ATAU LEBIH DIKENALI SEBAGAI ZULKHA YANG JUGA PEMILIK AKUAN TERSEBUT.

“TUHAN MENDUGA KITA”



Lagu *Tuhan Menduga Kita* merupakan sebuah lagu yang menceritakan perjalanan Zulkha dan isteri Nur Akhma Fazzila yang mempunyai anak Autisme bernama Muhammad Iskandar Zulkarnain (Kharg).

Hanya bermula dengan versi akustik, sambutan yang diterima amat menggalakkan, menyebabkan Zulkha meneruskan rakaman versi studio yang di muat naik ke *Youtube* pada 31 Mac 2017.

Kesinambungan daripada itu dia meneruskan pembikinan video klip pula bagi menceritakan semula kisah hidupnya bersama Kharg.

"Untuk pembikinan klip video, saya merasakan ilustrasi komik lebih mudah diurus dan kosnya juga lebih rendah berbanding melakonkan semula watak dalam usaha menceritakan semula pengalaman yang dilalui," katanya yang pernah aktif menyanyi bersama kumpulan UB7 di Kapit, Sarawak.

Setelah siap, video tersebut dilancarkan secara rasmi pada 1 April



Karya seni Zulkha juga pernah dipamerkan di Pustaka Negeri Sarawak sempena bulan kesedaran Autism.

2017 bersempena dengan bulan kesedaran Autism yang jatuh pada bulan tersebut. Dek kerana video yang sarat dengan kasih sayang dan air mata itu, ia menjadi tular dan ditonton hampir 60 ribu kali.

Semenjak itu Zulkha giat meneruskan laman tersebut melalui perkongsian berbentuk komik atau ilustrasi supaya lebih menarik dan jelas dengan harapan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang Autism.

Antara topik yang menjadikan Tuhan Menduga Kita-Autism menjadi lebih terkenal apabila karya seperti, Luahan Hati Seorang Bapa, Tanda-Tanda Autism Pada Kharnain mendapat perkongsian yang ramai daripada para netizen.

Pada masa yang sama, Zulkha turut meluaskan ruang kesedaran Autism melalui rekaan t-shirt bercetak dan pelekat kesedaran Autism melalui page TMK.

"Saya sentiasa mengharapakan laman ini terus diterima menjadi media untuk memberi kesedaran autisme. Ia juga menjadi tempat saya berkongsi pengalaman yang telah saya lalui



TMK menjadi sebahagian daripada tenaga penganjur bagi Kuching Run For Autism 2018 anjuran Kuching Autistic Association (KAA).



melalui pelbagai gaya karya-karya seni yang telah saya buat seperti komik dan lagu ciptaan sendiri," jelas Zulkha yang menerima Anugerah Media Sosial Terbaik 2018 sempena Anugerah Dari Hati ke Hati oleh Bank Rakyat.

Kharg merupakan anak sulung daripada dua beradik yang disahkan oleh doktor psikiatri mempunyai Autism Spectrum Disorder (ASD) dan Attention Dicit hyperactivity Disorder (ADHD) pada Januari 2015 semasa berumur tiga tahun tiga bulan.

Seperti ibu bapa yang lain, Zulkha juga pada awalnya sukar untuk menerima keadaan anaknya tetapi atas nasihat pakar untuk melakukan intervensi awal kepada Kharg dia harus terima dan redha.

Kini pada usia 7 tahun, Kharg sudah boleh ke tandas sendiri, mengenakan pakaian serta kemahiran mengurus diri yang lain. Kemahiran sosial dan komunikasi dua hala semakin baik. Mampu mengikut arahan seperti yang disuruh.

Dia juga sudah pandai membaca seawal umur 3 tahun dek kerana sangat obses pada nombor dan abjad pada awal usianya. Bagaimanapun kemahiran menulisnya masih perlu diperhalusi.

Selaku bapa, Zulkha berharap Kharg mampu menguruskan diri sendiri supaya kelak dia tidak menjadi beban kepada orang lain sekiranya mereka sudah tiada.

Diketika ini Zulkha melihat Kharg mampu pergi lebih jauh dari itu dan cuba mendedahkannya kepada pelbagai bidang untuk diterokai termasuk mendaftar ke kelas piano.

CTR No: 0000 275 437

children - child care.

pg. 36 - 37.

harmoni Jun 2018.